

## BAHAGIAN B

(30 markah )

### **Soalan 21**

Pilih **kata ganda** yang sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

bermandi-manda	gemuk-gedempol	lintang-pukang	tercari-cari
huru-hara	Teresak-esak	Berhati-hati	bukit-bukau

Anak-anak yang sedang ..... di sungai itu lari  
 ..... apabila mendengar bunyi ngauman itu. Mereka bukannya  
 tidak tahu siapa yang menghuni belantara di kawasan ..... itu.  
 Malah Samad yang ..... itupun mampu mengheret tubuhnya  
 pantas meninggalkan tempat itu. Cuma Ramli sahaja yang masih  
 ..... cermin matanya. Keadaan yang begitu ceria bertukar menjadi  
 ..... dalam sekelip mata. Dalam keadaan ketakutan, mereka  
 memerhatikan keadaan sekeliling dengan ..... Mereka  
 menangis ..... kerana merasa kesal tidak mendengar nasihat  
 supaya tidak berkelah di situ.

(4 m )

### **Soalan 22**

- a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

#### **Ayat Tanya**

---



---

Jawapan : Di tepi sungai itu ada beberapa rumpun pokok buluh.

( 2 m )

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah

Amin saya terjumpa rantai emas ini di  
tepi jalan. Apa perlu saya buat?




---

---

(2m )

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar yang diberi

---

---

(2m)

### **soalan 23**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

#### Kepentingan Air Kepada Manusia

Badan manusia mengandungi hampir tujuh puluh peratus air. Air memainkan peranan yang penting di dalam badan manusia. Sebagai contoh, air melaraskan suhu badan. Nutrien dan oksigen juga dibawa ke sel-sel tubuh badan oleh air.

Selain itu air merupakan sumber yang sangat penting kepada alam semula jadi dan manusia. Antara kepentingan air kepada manusia ialah sebagai keperluan dalam rumahtangga, kegunaan dalam bidang pertanian, pengangkutan dan seterusnya dalam menghasilkan tenaga elektrik.

Seterusnya air juga digunakan sebagai sumber untuk menghasilkan tenaga elektrik. Tenaga elektrik yang dibekalkan ke rumah-rumah di seluruh negara kebanyakannya dari pusat penjanakuasa hidro elektrik. Sebagai contoh bekalan elektrik yang dibekalkan ke Daerah Tuaran adalah dari Penjanaan Kuasa Empangan Pangkor Tenom. Tenaga elektrik sangat penting kepada kehidupan kita dewasa ini kerana peralatan di rumah atau di pejabat menggunakan kuasa elektrik.

Kesimpulannya, air merupakan sumber yang sangat penting dalam kehidupan manusia dari dulu sehingga sekarang. Oleh itu, kita perlulah menghargai dan bersikap berjimat cermat terhadap penggunaan air. Semoga bekalan air di negara kita akan kekal mencukupi untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

- a. Di dalam tubuh badan manusia, air berperanan untuk .....
- 
- 

( 1 m )

b. Bagaimanakah Daerah Tuaran mendapat bekalan tenaga elektrik ?

---

---

---

( 2 m )

c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah di tunjukkan sebagai contoh

Badan manusia mengandungi hampir tujuh puluh peratus air

kita perlu menggunakan air tanpa kawalan

betul

air merupakan sumber yang sangat penting dalam kehidupan manusia dari dulu sehingga sekarang

salah

pusat penjanakuasa hidro elektrik membekalkan elektrik hanya di beberapa buah rumah

( 2 m )

## Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Selamat pagi kepada semua guru dan murid-murid yang saya kasihi. Pada perhimpunan kali ini cikgu sebagai guru Penasihat Persatuan Sains ingin menasihati murid sekalian supaya membuat perancangan yang teliti bagi memenuhi cuti penggal pada minggu hadapan.

Murid-murid mestilah mengatur rancangan yang membawa faedah dan bukannya untuk hiburan sahaja, terutama rancangan lawatan ke Kuala Lumpur yang akan diadakan oleh Persatuan Sains sekolah ini. Sebelum lawatan, pihak persatuan telah menetapkan tempat yang akan dilawati seperti Pusat Sains Negara dan sebagainya.

Semasa lawatan nanti, murid-murid boleh mengambil gambar yang sesuai seperti gambar yang dapat memberi **manfaat** dan maklumat tentang tempat yang dilawati. Murid-murid juga mestilah mencatat maklumat tempat-tempat yang dilawati.

Bagi murid yang tidak ke mana-mana atau balik kampung, mereka juga boleh mencari maklumat dan gambar tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan dikampung. Secara tidak langsung murid-murid telah melalui satu proses pembelajaran.

Selain itu, keselamatan dan kesihatan diri hendaklah dijaga. Usahlah bermain di tempat-tempat yang berbahaya kerana malang tidak berbau.

Sekian terima kasih.

- a. Perkataan **manfaat** dalam petikan bermaksud .....

---

( 1 m )

b. Pada pendapat anda siapakah yang menyampaikan ucapan ini? (2m)

---

---

c. Apakah nasihat yang diberikan oleh guru tersebut kepada murid-murid yang tidak menyertai rombongan tersebut?

---

---

( 2 m )

d. Sebagai murid adakah anda beranggapan menyertai lawatan sekolah ini memberi kebaikan? Mengapa?

---

---

---

---

---

( 3 m )

**Soalan 25**

Baca sajak di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ketika kecil kita dijaga  
Dengan penuh jiwa dan raga  
Memberi manja tidak terkira  
Ibarat emas yang berharga

Melatih berjalan setiap hari  
Sambil berjalan sambil berlari  
Supaya dapat berbuat sendiri  
Dengan demikian dapat berdikari

Tidak jemu memberi didikan  
Sehingga anaknya penuh bersopan  
Tahu menilai ya dan bukan  
Hingga ibu sanggup berkorban

Ingatlah wahai sekalian kamu  
Menolong ibu janganlah jemu  
Lebihkan ibu dari temanmu  
Kerana itu satu tugasmu.

- a. . Bagaimakah ibu menjaga kita? (2 m)
-

b. Apakah yang kita harus lakukan untuk membalas jasa ibu? (1 m)

---

---

---

c. Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul dan ( × ) bagi pernyataan yang salah

Mengutamakan ibu dari rakan-rakan

Sentiasa mengharapkan  
pertolongan ibu tanpa perlu berdikari

(1 m)

d. Terangkan maksud rangkap pantun di bawah

Tidak jemu memberi didikan  
Sehingga anaknya penuh bersopan  
Tahu menilai ya dan bukan  
Hingga ibu sanggup berkorban

(3 m)

---

---

---

---